



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**04 MAC 2015**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG KEPUTUSAN KABINET MEMBENARKAN JABATAN AUDIT NEGARA MELAKUKAN PENGAUDITAN TERHADAP 1MDB**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia menyambut baik arahan Kabinet untuk Jabatan Audit Negara mengaudit syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selepas ia diputuskan dalam Mesyuarat Kabinet petang ini.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata beliau gembira dengan perkembangan terbaru itu dan berharap Jabatan Audit Negara (JAN) dapat melakukan audit dengan segera terhadap syarikat milik Kementerian Kewangan (MoF) itu.

“Saya berharap tiada campur tangan daripada mana-mana pihak untuk Jabatan Audit Negara melaksanakan audit terhadap 1MDB dan biar jabatan berkenaan menentukan skop pengauditannya namun ia harus termasuk lima perkara yang PAC mahu jabatan berkenaan tumpukan.

“Saya sudah menghantar surat kepada Tan Sri Ambrin Buang (Ketua Audit Negara) Jumaat lalu, dan kebenaran Kabinet pada hari ini, adalah tepat pada masanya,” katanya dalam satu kenyataan di sini, malam ini.

Nur Jazlan berkata, lima perkara yang PAC mahu JAN tumpukan dalam pengauditan terhadap 1MDB adalah sumber dana kewangan berjumlah RM2 bilion yang diperolehi 1MDB dalam menjelaskan pinjamannya terhadap beberapa bank tempatan, suntikan dana kewangan baru daripada kerajaan / Kementerian Kewangan (MoF) berjumlah RM3 bilion, perjanjian pelaburan 1MDB dalam syarikat Petrosaudi, wang hasil pelaburan 1MDB di Pulau Cayman sama ada sudah dibawa balik ke Malaysia dan perubahan firma audit antarabangsa untuk meluluskan akaun 1MDB.

Beliau berkata, pengauditan JAN terhadap 1MDB akan memudahkan tugas PAC ketika menjalankan prosiding terhadap syarikat berkenaan apabila ia dipanggil berhadapan dengan jawatankuasa ini tidak lama lagi.

“PAC kini mempunyai asas berdasarkan siasatan audit yang dilaksanakan JAN sebuah badan benar-benar berkecuali serta tidak berkepentingan terhadap 1MDB dan ia membolehkan Laporan PAC berkenaan syarikat 1MDB lebih lengkap, telus dan berkredibiliti sebelum dibentangkan ke Dewan Rakyat,” katanya.